BAGAIMANA.....?

Seseorang rakyat asing yang akan melawat Indonesia setelah mendapat "visa" hendaklah sebelum belayar membayar wang tanggungan sebanyak $40. Kebiasaan wang tanggungan itu adalah dipulangkan semula kepada orang itu apabila ia balik ke tempat ia mulai pergi itu tetapi keadaannya berlainan dengan di Indonesia oleh kerana wang-wang tanggungan itu akan dibayar kepada orang itu oleh pegawai imigresen di tempat ia pergi apabila ia hendak balik nanti dengan bayaran sebanyak 150 Rupiah yakni tukaran rasmi mengikut rasmi mengikut tukaran-tukaran wang Indonesia dan hampir-hampir separuh kurangnya tukaran wang cara gelap. Pegawai konsul lazimnya menyatakan bahawa apabila seseorang hendak balik umpamanya ke Singapura dari tempat yang ditujunya itu – tiga hari sebelum itu hendaklah mengambil wang itu di sana supaya boleh dibelanjakan.

Tetapi hal ini adalah menjadi sebaliknya iaitu apabila seseorang hendak pergi dari tempat yang tersebut dan meminta wang tanggungan itu semula maka di sana menyatakan wang itu tidak dapat diberi kepadanya dan hendaklah orang itu memberi kuasa kepada orang lain yang ada di sana dan sesudah ia belayar nanti baharulah wang itu diberikan kepada orang yang menerima kuasa tadi.

Dengan kerana ini orang-orang telah berpendapatan bahawa sepatutnya wang tanggungan itu dibayar di tempat ia membayar dahulu- tidak di negeri lain. Peraturan ini nampak dengan nyata, menurut pendapatan ini, menghendaki supaya kerajaan Indonesia mendapat wang-wang dollar di luar negeri dengan cara mengadakan suatu kaedah yang tidak saksama oleh kerana sekiranya ditujukan menghendaki wang dollar dengan lebih nyata molek diadakan sahaja peraturan-peraturan pembayaran masuk- tidak dengan nama tanggungan supaya orang tidak terasa menerima suatu "tiupan" yang halus terutamanya pula pegawai-pegawai imigresen di Indonesia itu menjalankan pula langkah-langkah membayar semula wang itu sesudah seseorang keluar dari Indonesia yang demikian ini pernah dicakapkan oleh seorang wartawan Indonesia sendiri dengan menyatakan seolah-olahnya langkah itu diambil sesudah orang itu mati baharu dibayar.

Mudah-mudahan yang demikian itu mendapat perhatian oleh pegawai-pegawai tinggi Indonesia supaya langkah-langkah itu jangan dipandang oleh orang luar sebagai "tiupan" halus untuk mendapat wang-wang dollar yang banyak.



Pembina masjid Amerika seorang American, sedang memerhati pelan binaan masjid itu.